



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Isnin, 03 April 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Denda 10,000 kerana kambing

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-------|---------|------------|
| Kosmo | Negara | 18 |

Denda RM10,000 kerana kambing

SETIU — Seorang lelaki didenda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam selepas mengaku bersalah atas tuduhan memindahkan 62 ekor kambing tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) lima bulan lalu.

Abli Abdullah, 46, dijatuhi hukuman itu selepas membuat pengakuan bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Ainiis Abu Hassan Asaari.

Majistret Ainiis juga meminta rintahkan hukuman tambahan penjara 20 bulan sekiranya tertuduh gagal menjelaskan dendanya tersebut. Tertuduh membayar denda itu.

Berdasarkan pertuduhan, Abli didakwa memindah-

kan 62 ekor kambing bernilai RM28,470 tanpa kebenaran bertulis yang sah daripada Pengarah JPV Terengganu.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh di tepi Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu berhampiran Chalok, Setiu pada pukul 11.15 malam, 13 Oktober 2022.

Dia didakwa mengikut Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 bagi Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut dan Hawar Berdarah Negeri Terengganu yang membawa denda maksimum RM15,000 jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa JPV, Mohd. Shahihan Mohd. Tahar manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



ABLI (bertopi) berjalan keluar dari Mahkamah Majistret Setiu selepas mengaku bersalah memindahkan kambing tanpa kebenaran.

Pemandu lori didenda RM10,000 pindah kambing tanpa kebenaran

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---------------|----------|------------|
| Berita Harian | Nasional | 15 |

Pemandu lori didenda RM10,000 pindah kambing tanpa kebenaran

Setiu: Seorang pemandu lori didenda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah memindahkan 62 kambing bernilai RM28,470 tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Majistret Ainiis Abu Hassan Shaari membuat keputusan itu selepas tertuduh, Abli Abdullah, 46, membuat pengakuan bersalah terhadap pertuduhan berkenaan. Tertuduh juga berdepan hukuman penjara 20 bulan jika gagal membayar denda.

Mahkamah turut memerintahkan 62 kambing berkenaan dilucutkan hak dan wang hasil jualan ternakan menjadi hasil kerajaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa memindahkan 62 kambing dengan menggunakan lori tanpa kebenaran bertulis

yang sah daripada Pengarah JPV Terengganu atau mana-mana pihat berkuastra veterinar yang diberi kuasa olehnya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di tepi Jalan Kota Bharu, Kuala Terengganu, Setiu jam 11.15 malam pada 13 Oktober 2022.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Perenggan i (b) Perintah Menteri Besar bagi Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut dan Hawar Berdarah bagi Negeri Terengganu yang mana diwartakan di bawah Subseksyen 36 (1) Akta Binatang 1953.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa JPV Terengganu, Mohd Shahihan Mohd Tahar, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



Abli hadir di Mahkamah Majistret Setiu, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

FAMA jamin bekalan telur cukup

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---------------|----------|------------|
| Berita Harian | Nasional | 21 |

FAMA jamin bekalan telur cukup

Pengeluar cuba penuhi permintaan meningkat sempena Ramadan, Syawal

Jasin Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan bekalan telur, termasuk gred A dan B di seluruh negara stabil bagi menampung keperluan pengguna sepanjang Ramadan dan musim perayaan Aidilfitri.

Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri, berkata bagaimanapun permintaan bagi gred AA, gred A dan gred B meningkat pada bulan puasa.

sa berikut ia bahan utama digunakan untuk membuat kuih, kek, biskut raya dan juadah berbuka.

"Namun, FAMA difahamkan pihak pengeluar cuba untuk memenuhi keperluan pengguna tetapi penghasilan bagi telur gred itu juga bergantung kepada umur ayam yang diterak."

"Secara keseluruhan, kita mempunyai banyak pilihan termasuk telur omega dan telur kampung yang mempunyai saiz membolehkan pengguna membuat pilihan," katanya kepada pemberita pada program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) Ramadan Madani @ Pasar Tani di Merlimau di sini, semalam.

Tingkatkan bekalan

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) FAMA, Rosilawati Abu Hassan dan Pengarah FAMA ne-



Abdul Rashid (dua dari kiri) melihat harga telur yang dijual pada program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) Ramadan Madani @ Pasar Tani di Merlimau, Jasin, semalam.

(Foto BERNAMA)

geri, Hairudin Yunos.

Abdul Rashid berkata, FAMA juga akan memastikan bekalan telur di pasaran mencukupi dan menambah bekalan di mana-mana tempat sekiranya mendapat maklumat berlaku kekurangan seperti di negeri-negeri pantai timur.

"Apabila berlaku kekurangan telur kira-kira akan berbincang dengan pembekal dan antara perbincangan itu kuota yang diberikan kepada FAMA untuk tingkatkan bekalan di Kelantan, Terengganu dan Pahang mengalami kekurangan bekalan kerana tiada pengeluar kilang yang besar," katanya.

Beliau berkata, FAMA juga mengambil langkah proaktif dengan mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri dan berbincang untuk memasarkan telur ayam ke seluruh negara dan sehingga 31 Mac, FAMA mendedarkan sebanyak 21,5 juta biji telur melalui 369 outlet permasarannya di seluruh negara.

"Intervensi ini diteruskan sehingga Jun tahun ini, niam penilaian semasa akan dilakukan sama ada perlu diteruskan lagi sehingga hujung tahun dan buat masa ini FAMA memperoleh bekalan dari tujuh negeri pembekal utama dalam komoditi agromakanan melalui penjimatan harga ditawarkan.

BERNAMA

lau Pinang, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Rashid berkata, pencapaian nilai jualan JTDL pada tahun lalu mencatatkan RM16.37 juta dengan membabitkan 7,626 usahawan di 1,032 lokasi seluruh negara.

Katanya, pelaksanaan JTDL dilihat sebagai satu daripada program quick win FAMA dalam membantu pengeluar memasarkan produk secara terus kepada pengguna dan secara langsung dapat mengurangkan kos hidup rakyat terutama dalam komoditi agromakanan melalui penjimatan harga ditawarkan.

Pasar raya Mydin kurang telur 60%, Sri Ternak Mart 40%

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------------|--------------|------------|
| Utusan Malaysia | Dalam Negeri | 9 |

Pasar raya Mydin kurang telur 60%, Sri Ternak Mart 40%

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Bekalan telur di pasaran masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan pengguna terutama di musim Hari Raya Aidilfitri, dengan beberapa pasar raya mega sedang kekurangan sumber itu sehingga 60 peratus.

Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin yang dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, rangkaian pasar raya Mydin kini berdepan masalah telur yang meruncing akibat bekalan itu berkurangan 60 peratus ber-

banding keperluan harian.

"Bekalan barang semula cukup kecuali telur. Ia masih sangat kurang di seluruh rangkaian Mydin. Kami kurang kira-kira 60 peratus telur, jadi cuma ada 40 peratus sahaja."

"Faktornya bekalan tidak cukup, sebab itu pembekal tak cantar (telur)," katanya di sini, semalam.

Beliau pada masa sama turut mempersoalkan jaminan yang diberikan oleh kerajaan baru-baru ini bahawa bekalan sumber protein tersebut mencukupi, sedangkan rangkaian pasar raya Mydin mengalami

kekurangan drastik.

"Jadi, untuk saya tak tahu lah, ada kementerian mengeluarkan kenyataan, katanya ada satu persatuan ternakan memberi jaminan bekalan telur akan cukup. Tapi untuk saya, saya rasa ini cerita yang tak betul," katanya.

Pada masa sama, semakan akbar ini dengan bahagian perkhidmatan pelanggan Sri Ternak Mart (SK) Sdn. Bhd. iaitu pasar raya borong terkenal di Lembah Klang turut mengakui berlaku masalah kekurangan telur yang kritis di pasar rayanya.

Pegawai Perkhidmatan Pelanggan, Wan Muhammad Ha-

siff Wan Hashim yang dihubungi berkata, pihaknya mengalami kekurangan telur sehingga 40 peratus sekali gus menjadikan permintaan pelanggan.

"Jika berdasarkan kepada bekalan telur yang dihantar ke sini, kalau diikutkan kurang sehingga 40 peratus. Sebab adakala, jika ada telur saiz AA atau D, saiz lain pula tiada bekalan. Jika ada telur saiz kecil, telur yang besar pula tiada."

"Ada juga ketikanya, telur biasa atau *table egg* langsung tiada, cuma ada telur omega saja. Itu keadaan sekarang, masih berlaku sehingga kini," katanya.

Sufficient egg supply for Ramadan and Raya

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------|------------|
| The Star | Nation | 8 |

Sufficient egg supply for Ramadan and Raya

JASIN: There will be enough eggs nationwide to meet consumer needs throughout Ramadan and during the Hari Raya Aidilfitri celebration, says the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

However, its acting director-general Abdul Rashid Bahri said that demand for grades AA, A and B eggs was increasing this fasting month as they are the main ingredients in cakes, cookies and food for breaking fast.

"We were made to understand that suppliers are trying to meet consumers' needs, but the production of eggs for such grades also depends on the age of the chickens reared."

"Overall, we have many options, including omega eggs and kampung eggs in various sizes," he told reporters when met at the Direct Sales From Farms (JTDL) Ramadan Madani @ Pasar Tani programme in Merlimau yesterday.

Also present were Fama deputy director-general (management services) Rosilawati Abu Hassan and state Fama director Hairudin Yunus, Bernama reported.

Abdul Rashid said Fama would ensure a



Spot check:
Abdul Rashid (left) looking at the price list at the Ramadan Madani market in Merlimau in Jasin.
— Bernama

sufficient egg supply in the market and send more supplies to areas experiencing a shortage, such as the east coast states.

He said Fama also took proactive measures by holding engagement sessions with industry players, and as of March 31, the agency had distributed 21.5 million eggs via 369 outlets nationwide.

"This intervention process will continue until June, and we will conduct assessments from time to time to see whether it needs to be done until the end of the year."

"Currently, Fama receives supplies from seven states, namely Melaka, Sarawak, Sabah, Penang, Johor, Selangor and Negeri Sembilan," he added.

Goat smuggler fined RM10k

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------|------------|
| The Star | Nation | 13 |

Goat smuggler fined RM10k

BANDAR PERMAISURI: A lorry driver who smuggled in 62 goats, suspected to be from Thailand, was fined RM10,000 by the Setiu Magistrate's Court.

Magistrate Aimis Abu Hassan Shaari meted out the fine on Abli Abdullah, 46, who pleaded guilty to the charge.

The court also ordered that the goats, worth RM28,470, be forfeited by the government, Bernama reported.

Abli was charged with transporting the goats on a lorry without written permission from the Veterinary Services Department at about 11.15pm along Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu on Oct 13 last year.

In doing so, he had violated the Terengganu Animals (Contagious Abortion With Foot and Mouth Disease Control and Eradication) Order 2003, which was gazetted under Subsection 36(1) of the Animals Act 1953.

The Act provides a maximum fine of up to RM15,000, upon conviction. Abli paid the fine.

| Padah pindah kambing tanpa kebenaran | | |
|--------------------------------------|--------------------|------------|
| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| Sinar Harian | Mahkamah & Jenayah | 15 |

Padah pindah kambing tanpa kebenaran

BANDAR PERMAISURI - Seorang pemandu lori didenda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret Setiu di sini pada Ahad setelah mengaku bersalah memindahkan 62 ekor kambing disyaki dari Thailand bernilai RM28,470 tanpa kebenaran pada tahun lepas.

Abli Abdullah, 46, membuat pengakuan di hadapan Majistret Ainis Abu Hassan Shaari yang

turut memerintahkan kesemua kambing itu dilucut hak dan wang hasil jualan ternakan menjadi hasil kerajaan.

Dia didakwa memindahkan kesemua kambing itu menggunakan lori jenis Hino tanpa kebenaran bertulis daripada mana-mana pihak berkuasa veterinar, di tepi jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu pada 13 Oktober 2022. - Bernama